

29 SEP 2002

Mahathir-Tiba (Bergambar)/I

MAHATHIR SELAMAT PULANG SELEPAS HADIRI MESYUARAT ASEM

SUBANG, 29 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini selepas menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) ke-empat di Copenhagen, Denmark serta lawatan peribadi ke Eropah.

Jet eksekutif yang membawa Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali mendarat di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di sini pada kira-kira pukul 7.50 pagi.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohd Khir Toyo dan Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam adalah antara orang kenamaan yang berada di pangkalan itu untuk menyambut Perdana Menteri.

Semasa di bilik VIP, doa selamat tanda kesyukuran kepulangan Perdana Menteri dibacakan,

Antara pencapaian Asem 4 ialah ikrar oleh para pemimpin untuk melaksanakan Deklarasi Copenhagen mengenai Kerjasama Menentang Keganasan Antarabangsa menerusi pendekatan komprehensif menangani masalah itu termasuk mengenal pasti puncanya.

Mesyuarat dua hari yang berlangsung di ibu negeri Denmark itu berakhir Selasa lepas.

Asem merupakan proses tidak formal antara 10 negara Asia dan 15 negara Eropah serta Suruhanjaya Eropah yang bertujuan merapatkan kedua-dua benua itu dalam aspek politik, sosio ekonomi dan budaya.

Asem mengadakan mesyuarat pertamanya di Bangkok pada 1996, diikuti mesyuarat dua tahun sekali di London pada 1998 dan Seoul pada 2000.

-- BERNAMA

MAM AFY LAT